



Isnin – 8 Februari 2021

Halaman :

## Murid Orang Asli berbaju lusuh dibantu

**PASIR SALAK:** Kisah murid Orang Asli di Kampung Pengkalan Daun, Chenderong Balai di sini yang tidak mampu membeli baju sekolah baru mendapat perhatian pemimpin setempat yang tampil memberikan sumbangan baju sekolah baharu untuk mereka.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pasir Salak, Khairul Azwan Harun yang prihatin terhadap perkara itu turun padang dan menghulurkan sumbangan baju seragam dan beg sekolah kepada murid dari keluarga yang kurang berkemampuan.

Menurutnya, sumbangan itu diberikan kepada 10 murid yang dikenal pasti tidak mampu untuk membeli keperluan persekolahan di kampung berkenaan.

"Sumbangan ini diharap dapat meringankan beban ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak



**KHAIRUL** Azwan Harun (dua dari kiri) menyampaikan baju dan beg sekolah kepada murid Orang Asli di Chenderong Balai dekat Pasir Salak semalam.

mereka, lebih penting murid dapat bersekolah dengan penuh bersemangat apabila sesi sekolah dibuka," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu Tok Batin kam-

pung berkenaan, Razak Ongil mengucapkan terima kasih atas sumbangan yang diberikan kepada murid terbabit.

*Utusan Malaysia* sebelum ini menyiaran kisah beberapa mu-

rid di kampung berkenaan yang tidak mampu membeli baju sekolah baharu akibat kesempitan hidup selain tiada pihak yang tampil memberikan sumbangan keperluan persekolahan.